

'Tak serik ceroboh'

**2 bot Vietnam
ditahan lagi menerusi
Ops Iman**

FARAH SHAZWANI ALI

KUALA TERENGGANU

Bagaikan tidak serik menceroboh perairan negara, dua buah bot nelayan asing Vietnam sekali lagi ditahan Agensi Pengawalkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) petang semalam, menjadikan empat bot nelayan Vietnam ditahan sepanjang minggu ini, dalam Ops Iman.

Tangkapan itu menjadikan keseluruhan tangkapan sepanjang tahun ini berjumlah 34 tangkapan bot nelayan asing, dengan anggaran rampasan bernilai RM50 juta.

Pemangku Pengarah Maritim Terengganu, Komander Maritim Muhammad Suffi Mohd Ramli berkata, dalam kejadian terbaru itu, kedua-dua bot tersebut ditahan oleh kapal Maritim KM Segantang antara jam 6 hingga 6.50 petang.

Menurutnya, bot-bot itu ditahan di dua lokasi berbeza, iaitu antara 43 dan 46 batu nautika dari muara Kuala Terengganu.

"Kita telah menahan 10 awak-awak termasuk tekong yang berumur antara 24 hingga 50 tahun dan tidak memiliki sebarang dokumen diri yang sah."

"Hasil pemeriksaan kita percaya mereka memalsukan dokumen



Muhammad Suffi (dua, kiri) menyolat siasat nelayan Vietnam yang ditahan.

dengan menggunakan nombor pendaftaran bot tempatan bagi mengelirukan pihak berkuasa dan dipercayai didalangi oleh sindiket warga tempatan.

"Selain itu, nilai rampasan bernilai hampir RM2 juta termasuk hasil tangkapan berupa 321 kilogram sotong kering, 10,000 liter minyak diesel, bot dan peralatan menangkap ikan," katanya di Ibu Pejabat Maritim Terengganu di sini.

Muhammad Suffi berkata, bot nelayan asing yang melakukan tunda gading ini, cuba melarikan hasil yang lebih banyak, manakala bot yang mengikat tali, iaitu yang mempunyai hasil sedikit bertindak cuba menghalang daripada ditahan.

"Kita nampak empat pasang bot sedang melakukan tunda ganding. Tapi bila mereka nampak Maritim, bot besar yang mempunyai hasil yang banyak telah meloloskan diri manakala dua bot yang mengikat tali ini bertindak menghalang."

"Mereka juga guna nombor

info

Nilai rampasan bernilai hampir RM2 juta termasuk hasil tangkapan berupa 321 kilogram sotong kering, 10,000 liter minyak diesel, bot dan peralatan menangkap ikan.

pendaftaran tempatan," katanya kepada Sinar Harian.

Kesemua bot dibawa ke jeti Maritim Terengganu untuk siasatan lanjut di bawah Seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985 kerana menceroboh dan menangkap ikan di perairan Malaysia tanpa kebenaran.

Mereka turut didakwa di bawah Seksyen 14(3) (a) akta yang sama kerana memalsukan dokumen bot dan Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen kerana tidak mempunyai pengenalan diri dan permit kerja yang sah.